



UPM Menang Dua Anugerah Khas Hari Harta Intelek Negara



Prof. Dr. Yaakob (dua dari kanan), Prof. Dr. Mohd Basyaruddin dan kumpulan penyelidik masing-masing menunjukkan sijil anugerah yang diterima pada Hari Harta Intelek Negara 2009 baru-baru ini.

KUALA LUMPUR, 28 April – Dua saintis Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman dan Prof. Dr. Yaakob Che Man berjaya memenangi anugerah khas juri pada Hari Harta Intelek Negara 2009 (HHIN) baru-baru ini.

Prof. Dr. Basyaruddin dari Fakulti Sains memenangi anugerah itu melalui produk Sustainable and Solventless Surface Coatings iaitu formulasi bebas bahan toksik menyulut kayu atau gentian dalam industri elektronik dan domestik yang dihasilkan daripada teknologi kimia hijau dan bioteknologi.

"Salutan lutusinari ini boleh mengekalkan keaslian permukaan, tahan lelasan dan tahan kesan bahan kimia," katanya.

Sementara itu Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal, Prof. Dr. Yaakob Che Man memenangi anugerah dengan produk Rapid Analytical Technique for The Detection of Non-Halal Leather and Leather Products yang menghasilkan kaedah baharu dan pantas untuk mengesan kulit babi dalam produk barangan kulit.

Pengesanan yang menggunakan Fourier Transform Infrared (FTIR) Spectroscopy dan Scanning Electron Microscope (SEM) itu membantu agensi pengesahan halal seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Halal Industry Development (HDC).

Penyampaian anugerah yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan hadiah kepada Prof. Dr. Basyaruddin.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.